



4 Mac 2024
4 March 2024
P.U. (A) 76

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERISYTIHARAN PELANTIKAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERISYTIHARAN
PELANTIKAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan bahawa hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan yang digelar Yang di-Pertuan Agong yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja:

DAN BAHAWASANYA menurut peruntukan Jadual Ketiga kepada Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja telah mengisytiharkan SAYA dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, SAYA, SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa SAYA pada hari ini telah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong dan telah mengangkat Sumpah yang dikehendaki oleh Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan mengikut cara yang ditetapkan oleh Perkara itu.

DIPERBUAT di Istana SAYA, Istana Negara, di Ibu Negara SAYA di Kuala Lumpur pada tiga puluh satu hari bulan Januari dalam tahun dua ribu dua puluh empat.

[MRR(S)640-264/(35); PN(PU2)171/JLD.26]

Dengan Titah Perintah Seri Paduka Baginda

Penyimpan Mohon Besar Raja-Raja